

# Terlalu percaya kata-kata anak

**K**UALA LUMPUR: "Kurang pemantauan ibu bapa, selain terlalu percaya kata-kata anak, menjadi sebab ramai remaja kini terjebak dengan masalah sosial," kata Penasihat Majlis Agama Islam Johor (Maij), Datuk Noh Gadut.

Noh berkata, satu sebab remaja mudah terjebak dengan perkara negatif kerana keluarga sebagai orang paling dekat tidak menghalang mereka, sekali gus menyebabkan mereka tidak menghiraukan pandangan masyarakat.

"Bagaimana seseorang itu dapat menerima teguran atau pandangan masyarakat jika ahli keluarga sendiri tidak menegur perbuatan mereka.

"Itu antara sebab mengapa remaja sekarang tidak takut serta tidak malu melakukan perbuatan terlarang di depan masyarakat.

"Kerana alasannya keluarga tidak melarang,



**NOH... tegur anak**

siapa pula masyarakat untuk menegur mereka," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Mengulas kehidupan Gee dan Nina yang terjebak dengan gejala sosial serta maksiat, Noh berkata, setiap keluarga perlu sedar perkara ini kerana sudah banyak kali dilaporkan ramai gadis, khususnya di bawah umur, terbabit dalam gejala tidak bermoral berikutan kurang perhatian keluarga.

"Ini bukan saja berkait dengan remaja yang ada masalah dalam keluarga, malah terhadap mana-mana remaja yang dibiarkan terlalu bebas bergaul dengan rakan," katanya.

# Hanya secebis kisah gejala moral dalam masyarakat

Metro 6/5/12 MS C.

**K**UALA LUMPUR: Masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja seperti kehidupan liar dilalui dua gadis yang didedahkan Metro Ahad hanya secebis daripada gambaran keseluruhan gejala moral berlaku di negara ini.

Kisah hidup Nina, 14, dan Gee, 17, yang mula terjebak dalam aktiviti tidak bermoral dan hilang kesucian diri pada usia begitu muda, adalah bukti perkembangan ini membimbangkan dan perlu diberikan perhatian serius oleh semua pihak kerana bakal memberi kesan negatif untuk jangka panjang.

Pengerusi Persatuan Kebajikan Teratak Shifa Kuala Lumpur dan Selangor (Praktis), Thom @ Che Tom Ujang berkata, selain menjejaskan nilai murni kehidupan insan umat Islam, ia boleh memberi kesan buruk terhadap keharmonian masyarakat di negara ini.

Beliau yang juga pengasas Praktis iaitu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menaungi Rumah Shifa' untuk anak yatim, miskin dan

terbiar di Setapak berkata, antara punca meningkatnya masalah itu adalah sikap masyarakat.

"Saya akui masalah keruntuhan akhlak remaja, terutama membabitkan gadis berusia belasan tahun, semakin meningkat dan membimbangkan.

"Ia berikutan semakin ramai golongan ini dihantar ke rumah kebajikan, terutama milik NGO, sebagai jalan akhir mengawal kebebasan diri dan membentuk kembali sahsiah diri mereka," katanya.

Menurutnya, purata umur dan latar belakang keluarga penghuni yang dihantar ke rumah kebajikan miliknya menunjukkan angka membimbangkan.

Bagaimanapun, atas beberapa faktor seperti menjaga hak privasi penghuni dan keluarga serta mengelak kehdarahan pihak luar campur tangan dalam urusan pentadbiran rumah kebajikan, dia tidak boleh mendedahkan statistik terbabit.

"Ada keluarga yang menghantar anak atau saudara me-

reka ke rumah kebajikan meminta pihak pentadbiran merahsiakan perkara itu daripada orang ramai, termasuk ahli keluarga terdekat, demi keselamatan penghuni.

"Justeru, kisah Nina dan Gee yang hidup bebas sehingga hilang maruah diri pada usia sebegitu muda tidak mengejutkan saya. Saya pernah berdepan kisah lebih mengejutkan dan tragik daripada mereka," katanya.

Thom berkata, sebagai umat Islam, perlu berfikiran terbuka dan bersatu menangani masalah ini serta tidak bersikap tuduh menuduh sesama sendiri.

Sebaliknya, beliau berkata, cara terbaik ialah bersama-sama mencari jalan bagaimana mendidik remaja bermasalah di kalangan umat Islam ini supaya sedar dan kembali pada agama.

Mengulas mengenai Nina dan Gee, katanya, keluarga gadis itu perlu menggunakan pendekatan secara halus untuk kembali mendekati jiwa mereka.

Katanya, jika berdepan ke-



**"Kisah Nina dan Gee yang hidup bebas sehingga hilang maruah diri pada usia sebegitu muda tidak mengejutkan saya"**

> Thom @ Che Tom Ujang  
Pengerusi Persatuan Kebajikan Teratak Shifa  
Kuala Lumpur dan Selangor (Praktis)

sulitan daripada aspek kewangan atau beban tanggungjawab, ahli keluarga boleh menghantar mereka ke rumah kebajikannya untuk dibimbing supaya kembali ke landasan hidup yang benar serta diredai-Nya.